



NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 76**

**16hb Mac 2023**

**No. 11**

---

---

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

(Akta 358)

DELEGATION OF POWERS ACT 1956

(Act 358)

**No. 181.**

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 9

DELEGATION OF POWER UNDER SECTION 9

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [*Akta 358*], Menteri Besar dengan kelulusan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan mewakilkan kuasa di bawah seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] kepada pegawai-pegawai berikut untuk kuasa melupuskan aset yang rosak, usang, tidak ekonomi dibaiki, tidak boleh diservis atau tidak diperlukan lagi kepunyaan Kerajaan Negeri dan diamanahkan kepada Jabatan Negeri dan untuk menghapus kira nilai aset yang hilang kepunyaan Kerajaan Negeri yang diamanahkan kepada Jabatan Negeri tertakluk kepada had dan nilai seperti berikut:

(A) Melupuskan Aset Alih Kerajaan

(i) Pegawai Pengawal

- (a) Nilai asal tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) bagi tiap-tiap barang individu dan jumlah keseluruhannya tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) setahun bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

## (B) Menghapus Kira Aset Alih Kerajaan

## (i) Pegawai Pengawal

- (a) Nilai asal tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) bagi tiap-tiap barang individu dan tidak lebih lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset kecuali kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

2. Bagi tujuan perwakilan kuasa ini, aset adalah termasuk aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stok bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan yang dibeli, disewa atau dibina dengan wang Kerajaan, yang diterima melalui sumbangan atau hadiah, yang diperolehi melalui proses perundangan dan yang dimiliki secara pajakan atau warisan, tetapi tidak termasuk aset tak alih.

3. Semua pelupusan dan hapus kira yang dilaksanakan hendaklah mematuhi tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan berhubung Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pejabat Kewangan Negeri atau Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa.

4. Perwakilan kuasa ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Bertarikh 13 Januari 2023

[P.Kw.N./N.S.(349) 549/1 Klt. 5 (37); PU/NS (SW) 27]

YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
*Menteri Besar*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by section 9 Delegation of Powers Act 1956 [Act 358], the Menteri Besar with approval of the Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, hereby conferred his power under section 17 of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61] to the following officers for the power to dispose of assets damaged, obsolete, not economically repaired, serviced or not should not be required again belonging to the State entrusted to the Department of State and to write off the value of the lost assets that belong to the State and entrusted to the Department of State is subject to the limitations and the value as follows:

## (A) Disposal of Government Movable Assets

## (i) Controlling Officer

- (a) The original procurement value of the assets not more than ten thousand ringgits (RM10,000.00) for every individual item and not more than hundred thousand ringgits (RM100,000.00) for the aggregate value for all methods of disposal.

(B) Write Off the Loss of Government Movable Assets

(i) Controlling Officer

- (a) The original procurement value of the assets not more than ten thousand ringgits (RM10,000.00) for every individual item and not more than fifty thousand ringgits (RM50,000.00) for the aggregate value for all types of assets except the loss as a result of theft, cheating or negligence of a public officer.

2. For the purpose of this delegation of powers, assets include movable assets, life assets, intangible assets and stocks for operational and maintenance purpose that are bought, hire purchased or built by using government money, received by donation or gift, obtained by legal process and owned by leasing or by heritage, but does not include immovable asset.

3. All disposals and write off conducted by the officer shall be in accordance with the procedures as stated in the Treasury Circular in relation to Government Movable Assets Management Procedure, Government Life Assets Management Procedure and Government Store Management Procedure in force and shall be subjected to any other instructions which may be issued from time to time by the Treasury, The State Authority and State Financial Officer.

4. The delegation of power shall be deemed to have come into operation on 1st of January 2023.

Dated 13 January 2023

[P.Kw.N./N.S.(349) 549/1 Klt. 5 (37); PU/NS (SW) 27]

YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
*Menteri Besar*  
*Negeri Sembilan*